

TEORI SISTEM YANG DIGUNAKAN DI SEKOLAH

Azizi Bin Yahaya & Rohaya Binti Ahmad
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti teori Sistem yang digunakan di sekolah bagi mengatasi masalah disiplin. Dalam usaha menangani masalah disiplin pelajar, semua pihak perlu bertanggung jawab dengan peranan dan tugas masing-masing. Beberapa teori telah dibincangkan.

Katakunci: masalah disiplin, sekolah, teori sistem sekolah

Pengenalan

Kian hari masalah disiplin di sekolah semakin mencabar dan langkah-langkah perlu di ambil bagi mengawalinya. Mungkin tidak dapat diselesaikan begitu sahaja. Paling tidak usaha untuk mengatasinya perlu dibuat setiap masa supaya dapat menimbulkan rasa kesedaran di kalangan pelajar dan masyarakat. Kebanyakan golongan masyarakat meletakkan tanggungjawab membentuk disiplin murid sekolah pada guru-guru sahaja. Tanggapan ini perlu diubah. Sungguh pun disiplin adalah salah satu komponen penting dalam system persekolahan, namun masalah disiplin yang timbul kadang-kadang dipengaruhi oleh faktor yang disebutkan tadi. Oleh itu, tanggung jawab ini perlu dipikul oleh semua pihak merangkumi golongan ibu bapa, guru, kerajaan dan pihak media.

1. Teori Biologi

Pendekatan pertama yang dapat menjelaskan dengan lebih lanjut berkaitan perlakuan ini adalah teori biologi. Teori ini mengandaikan faktor utama yang menjadikan tingkah laku seseorang itu menjadi devian adalah berasaskan ciri-ciri biologinya seperti gen, keturunan darah dan sebagainya. Teori ini diterangkan kerana terdapat pandangan yang menyatakan devian adalah penyakit yang memerlukan penerangan dari aspek sains dan perubatan (Rohani Awang, 1996: 132).

Seperti yang diketahui, baka dan alam sekitar adalah faktor berasingan, setiap satunya mempengaruhi personaliti seseorang individu. Sekarang baru kita sedar apa yang difikirkan, dibuat ataupun dirasakan oleh seseorang itu sebagai seorang kanak-kanak, remaja, atau orang dewasa adalah hasil daripada hubungan yang wujud antara factor warisan biologi dengan pengaruh alam sekitar (Lester and Alice Crow, 1983 : 41 dan 42).

Teori ini mempunyai pandangan, terdapat sesuatu kelainan dan kelemahan dalam pembentukan fizikal yang menyebabkan seseorang bertingkah laku luar biasa ataupun ke arah devian. Teori ini dikaitkan dengan seorang pakar sakit jiwa iaitu Cesare Lombroso (1835-1909) yang berminat mengkaji kes-kes jenayah. Menurutnya, penentu utama kepada gejala jenayah adalah faktor biologinya iaitu ciri-ciri fizikalnya. Beliau mendapati, penjenayah mempunyai bentuk fizikal yang berlainan dan luar biasa daripada orang yang tidak melakukan jenayah. Biasanya penjenayah mempunyai kepala yang besar, rambut panjang, misai tebal, tidak kacak, bermuka bengis dan sebagainya.

Selain dari pandangan Lombroso, William H. Sheldon (1949) pula menyatakan, tingkah laku manusia berkaitan dengan bentuk badannya. Menurutnya orang yang gemuk dan rendah *endomorph* ialah

individu yang suka bersosial, suka makan dan mempunyai falsafah hidup yang mudah. Hal ini berlainan pula dengan jenis *ectomorph* iaitu orang yang kurus dan lemah, lembut, sensitif, mudah merajuk dan tidak begitu sosial. Manakala yang jenis *mesomorph* ialah orang yang berbadan tegap dan kuat, mudah resah, mempunyai banyak tenaga dan tidak bersifat sensitif. Kesimpulan teori Sheldon menyatakan jenis mesomorph berkemungkinan menjadi lencong (Glenn Myers Blair dan et. al, 1991: 56)

2. Teori Psikologi

Mengandaikan tingkah laku devian adalah hasil daripada fikiran yang tidak siuman atau terganggu. Teori ini merangkumi teori personaliti yang menekankan perkembangan awal kanak-kanak. Teori ini juga mengandaikan proses ini tidak dipengaruhi oleh kebudayaan sekeliling (Rohani Awang, 1996: 134). Perkataan personaliti biasanya digunakan bagi menghuraikan perwatakan fizikal seseorang, corak pertuturan ataupun sopan santun dan berapa banyak daya penarik yang dimiliki oleh seseorang individu. Namun, ahli psikologi menerangkan personaliti ialah sesuatu yang membuat diri seseorang itu berkesan ataupun memberi seseorang itu pengaruh kepada yang lain atau dalam bahasa psikologinya nilai rangsang sosial seseorang. Personaliti juga ialah gambaran keseluruhan tingkah laku yang tersusun terutama sekali yang dapat dinyatakan oleh sesama manusia dengan cara tekal. Jadi, personaliti kita adalah adil daripada apa yang kita mulakan dan juga segala apa yang kita alami dalam hidup. Personaliti juga adalah sekumpulan besar tindak balas sebagai satu keseluruhan (Iester dan Alice Crow, 1983 : 216 dan 217).

Oleh itu, kecacatan dan gangguan mental adalah sebab kajian teori psikologi ini timbul. Kecacatan dan gangguan ini pada amnya dianggap sebagai lencongan atau devian oleh masyarakat. Seseorang yang menghadapi penyakit seperti ini lebih cenderung melakukan devian. Teori ini juga boleh digunakan kerana sememangnya sebahagian kecil devian yang dilakukan berpunca daripada penyakit penyakit ini. Namun kebanyakan devian ini dilakukan kerana faktor-faktor lain. Antara contoh devian yang berpunca daripada dua penyakit ini adalah kes-kes pembunuhan kejam seperti memotong, mencincang mayat mangsa kepada ketulan dan sebagainya.

3. Teori Behavioris

Teori Behavioris berpendapat, tingkah laku manusia bermula daripada naluri. Naluri difahamkan sebagai kecenderungan semula bagi untuk bergerak balas dengan cara yang agak rumit tanpa pengalaman lampau ataupun latihan. Berkemungkinan besar, perlakuan devian di kalangan remaja berpusatkan kepada naluri yang terdapat dalam diri seseorang. Terdapat beberapa naluri utama dalam diri manusia iaitu melarikan diri daripada bahaya, perasaan ingin tahu, perasaan jijik, suka bertengkar, menghina diri sendiri, penegasan diri sendiri dan naluri menjadi ibu bapa, peniruan, kebersihan, tamak haloba, persendaan dan sebagainya.

Naluri terhasil daripada latihan iaitu tingkah laku manusia yang dipelajari. Tidak ada segala seperti bakat, kebolehan, perangai kecelehan dan ciri-ciri mental yang diwarisi. Semua gejala ini juga bergantung pada latihan yang diberikan semenjak dalam buaian lagi. Ahli tingkah laku tidak akan berkata "Dia mempunyai kebolehan menjadi ahli bermain pedang yang cekap kerana mewarisi bakat bapanya". Malah ahli behavioris akan berkata, "Anak ini memang mempunyai bentuk badan bapanya yang lampai dan jenis mata yang sama, tubuh badannya betul-betul serupa dengan bapanya dan dia juga mempunyai tubuh badan pemain pedang yang cekap, bapanya terlalu sayangkannya, bapanya meletakkan sebilah pedang yang kecil di tangannya semasa dia berusia setahun dan pada masa berjalan bersama-sama, bapanya bercakap mengenai cara bermain pedang, menyerang dan mempertahankan diri, kod pertarungan dan lain-lain." Hal ini jelas menunjukkan jenis struktur badan tertentu termasuk latihan awal dan minat menyebabkan anak menjadi pemain pedang yang handal (John B. Watson 1991: 28 & 29)

4. Teori Sosiologi

Rohani Awang di dalam bukunya, *Asas-asas Sains Sosiologi* (1996: 134) menjelaskan teori-teori sosiologi ini wujud bagi menerangkan apa itu devian dengan melihat kepada proses kebudayaan, sosial dan struktur organisasi sesuatu masyarakat. Contohnya adalah penjenayah itu dibentuk oleh keadaan social ataupun dilahirkan begitu? Ahli sosiologi memberi keterangan kepada persoalan ini dengan memberi tumpuan kepada faktor-faktor yang menghasilkan devian, bukan ciri-ciri yang diwarisi semula jadi dalam tingkah laku manusia. Antara teori social adalah:

i. Teori Anomie Durkheim

Istilah *anomie* ialah sesuatu keadaan seseorang itu hilang arah haluan ataupun keliru dengan nilai dan norma masyarakat yang menjadikannya dalam keadaan 'ketiadaan norma' atau *normlessness*. Oleh itu, menurut beliau *conformity* dan *obedience* (pengukuhan) menjadi kurang penting apabila hasrat individu untuk mencapai sesuatu menjadi mustahil. Hal ini kerana, seseorang itu akan bebas melakukan tindakan yang tidak sesuai dan menimbulkan perasaan tidak perlu kepada norma-norma masyarakat. Teori ini berdasarkan tulisan Durkheim dalam menjelaskan fenomena manusia membunuh diri disebabkan oleh keadaan masyarakat dan bukannya individu itu sendiri. Menurut Durkheim, keadaan ini wujud kerana berlakunya keruntuhan ekonomi, perubahan sosial dan masa ketiadaan kawalan sosial dalam masyarakat (Durkheim, 1996: 131).

ii. Teori Anomie Merton

Ketidaktentuan antara penekanan masyarakat bagi mencapai sesuatu matlamat juga membenarkan individu melaksanakan pencapaian matlamat itu melalui berbagai-bagai cara. Keadaan begini mewujudkan devian. Selain itu kebanyakan orang ingin mencapai kejayaan daripada segi material, martabat, kekuasaan dan lain-lain lagi. Akan tetapi, hanya caracara tertentu dibenarkan oleh masyarakat mencapai matlamat-matlamat itu seperti dengan taraf pendidikan yang tinggi atau kerja bergaji tinggi. Oleh kerana ketidakadilan struktur sosial, bukan semua orang mendapat peluang yang saksama bagi mendapat cara-cara yang dibenarkan ini. Contohnya orang miskin telah dinafikan hak kemasyarakatan yang sepenuhnya untuk mendapat pendidikan yang tinggi disebabkan oleh masalah kewangan (Robert Merton, 1957: 131)

Jadi, bagi mereka yang inginkan kejayaan, terdapat dorongan yang kuat supaya mereka melakukan apa-apa sahaja termasuk jenayah bagi mencapai matlamat mereka. Hal ini dijelaskan oleh Merton, iaitu orang-orang yang gagal mencapai matlamat dalam hidupnya sanggup melakukan apa sahaja tanpa mengambilkira sama ada dia melanggar norma-norma kehidupan bermasyarakat ataupun tidak.

iii. Teori Penyaluran Kebudayaan

Manusia akan mengalami proses sosialisasi asas iaitu sama ada belajar mentaati peraturan dan norma sosial ataupun bertindak devian (Edwin Sutherland, 1940 : 136). Teori ini adalah berkaitan proses sesuatu tindakan devian itu dipelajari. Keadaan pembelajaran ini berlaku dengan menekankan kepada kumpulan mana mereka tergolong dan bagaimana mereka mempelajari serta menerima nilai-nilai yang terdapat dalam kumpulan itu. Contohnya, seorang kanak-kanak yang tinggal dalam suatu kawasan yang mempunyai darjah kenakalan yang tinggi (Sutherland). Dia berkemungkinan terlibat sama dalam kegiatan-kegiatan itu. Namun, ia mungkin tidak akan berlaku sekiranya dia tinggal di kawasan lain.

Kelakuan-kelakuan devian boleh dipelajari melalui interaksi dengan orang lain. Oleh itu devian wujud apabila seseorang itu berhubung dengan kumpulan yang melihat devian itu sesuatu yang baik daripada kumpulan yang menganggapnya sebagai tidak baik. Interaksi pula berlaku dengan kumpulan

primer dan *significant others* (orang lain yang rapat) seperti kawan dan keluarga. Tetapi perlakuan devian ini dipilih oleh mereka yang menghendaki untuk melanggar norma-norma dalam masyarakat. Remaja, lebih cenderung untuk terlibat dengan berkelakuan demikian sekiranya mereka sebahagian daripada kumpulan itu atau sub budaya yang menekankan nilai-nilai yang melencong.

Berdasarkan pendekatan ini, contoh yang dapat diperhatikan ialah tentang 'gengsterisme' di kalangan remaja begitu ketara dan wujud seperti kongsi gelap. Ahli-ahli kongsi gelap ini akan berkongsi budaya 'gengsterisme'. Mereka menyanjung tinggi sifat-sifat ganas seperti 'menunjukkan kekuatan dalam pertempuran', 'mengambil tindakan balas dendam' dan tindakantindakan ganas yang lain. Mereka tidak ragu-ragu untuk membalas dendam. Sesiapa yang tidak turut sama dianggap tidak setia kepada kumpulan dan akan dihalau keluar dari kumpulan tersebut. Dalam situasi tersebut, sebagai ahli dalam sebuah kongsi gelap, tindakan mereka ini adalah *conformity* dan bukannya devian. Remaja disemaikan nilai-nilai 'gengsterisme' apabila mereka menyertai kongsi gelap. Melalui pergaulan dengan ahli-ahli kongsi gelap yang lain, remaja ini belajar nilai dan tingkah laku jahat yang akan sebatikan sebagai personaliti mereka.

iv. Teori Label

Pada dasarnya, teori ini menekankan sejauh mana sesuatu kelakuan itu dikatakan atau dilabel sebagai devian dan apakah pengaruhnya pada kelakuan seseorang itu. (Howard S. Becker, 1963: 137). Perlakuan melencong itu disebabkan seseorang itu dilabel begitu. Tindakan melabel seseorang sebagai melakukan devian akan membawa kepada kenyataan ataupun ramalan penyempurnaan sendiri. Contohnya, seorang individu dilabel sebagai banduan kerana merompak dan dipenjarakan. Dia mungkin sukar diterima masyarakat apabila dibebaskan dan gagal mendapatkan pekerjaan kerana dicurigai orang ramai. Keadaan ini menyebabkan dia melakukan rompak-rompak lain.

Kesan melabel mewujudkan satu 'stigma' iaitu satu cap atau tanda buruk yang terletak kepada orang yang devian. Mereka dianggap sering melakukan perlakuan devian pada pandangan umum. Masyarakat juga cuba mengelak daripada berinteraksi dan menghukum mereka. Jadi aspek penting dalam teori ini adalah ada sebahagian kelompok lain. Kelompok yang berkuasa ini menentukan apa yang dianggap devian dan apa yang tidak. Oleh itu, perlakuan devian dinilai daripada segi kesan atau akibat tingkah laku kepada orang lain.

Rujukan

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Publication Sdn. Bhd.
- Gragey, William, J. (1970). *The Psychology of Disciplines in the Classroom*. London: The Macmillan Co.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai Johor Darul Ta'zim : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang (2006). *Siri Pendidikan PTK, Bah 1 : Kompetensi Umum, Multimedia – Es*. Selangor : Resources Sdn. Bhd.
- Zainal Madon dan Mohd Sharani Ahmad (2005). *Panduan Mengurus Remaja Moden*. PTS. Bentong, Pahang : Professional Publishing Sdn. Bhd.